

01 NOV 2002

Asean-Mahathir/I

DR MAHATHIR KETUAI DELEGASI MALAYSIA KE SIDANG KEMUNCAK ASEAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Asean kelapan yang diadakan di Phnom Penh, Kemboja mulai 4 hingga 5 Nov.

Selain diiringi isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, delegasi itu terdiri daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen dan para pegawai kanan kerajaan.

Menurut kenyataan Wisma Putra, sebelum sidang kemuncak itu, Dr Mahathir akan merasmikan loji tenaga milik Malaysia, Cambodia Utilities Private Limited. Beliau juga dijadualkan bertemu masyarakat Malaysia yang tinggal di negara Indo-China ini.

Pada mesyuarat Sidang Kemuncak Asean itu, para pemimpin dijangka berbincang dan bertukar pandangan selain menilai dan mengkaji semula kerjasama dasar serta pembangunan.

Mereka juga akan mengkaji semula kemajuan pelbagai inisiatif Asean seperti Inisiatif bagi Integrasi Asean (IAI), Pemetaan Jalan bagi Integrasi Asean (RIA), pelaksanaan Pelan Tindakan Hanoi (HPA) selain keadaan politik, ekonomi dan keselamatan semasa di wilayah berkenaan.

Di ibu kota Kemboja itu, para pemimpin 10 negara anggota Asean akan disertai rakan sejawatan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan serta India.

Pada Sidang Kemuncak Asean+China, para pemimpin dijangka menandatangani Rangkakerja Perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif Asean-China dengan China.

Semasa Sidang Kemuncak Asean+Jepun pula, para pemimpin Asean dan Jepun dijangka menandatangani Deklarasi Bersama mengenai Perkongsian Ekonomi Komprehensif (CEP), yang bermatlamat untuk terus memperkukuh serta memperdalamkan kerjasama dengan Asean.

Dr Mahathir juga dijadual menghadiri perasmian Sidang Kemuncak Asean-India pada 5 Nov. Ia akan membincang dan mengkaji semula kemajuan di samping meneroka bidang-bidang baru dalam kerjasama Asean-India seperti kapasiti pembinaan, bioteknologi, perdagangan dan pelaburan.

Di luar sidang kemuncak itu, Perdana Menteri juga dijadual bertemu dan berbincang isu dua hala serta antarabangsa lain yang membabitkan rantau ini dengan rakan-rakan sejawatannya.

-- BERNAMA

HS HS ROS